

Sabah bakal miliki pusat latihan kemahiran minyak, gas pertama

DE 17.11.2013 1

Chris Maskilone

KOTA KINABALU: Sabah bakal memiliki pusat latihan kemahiran minyak dan gas pertamanya yang bakal didirikan oleh Institut Minyak dan Gas TAS, sebelum ini dikenali sebagai Akademi Minyak dan Gas Tun Ahmadshah Abdullah, di sini dan di Tawau.

Mengumumkannya di Hyatt Regency Kinabalu di sini pada Sabtu, pihak atasan syarikat UMSlink - Silverkris Sdn Bhd, yang mengendalikannya institut itu berkata mereka menjangka dua pusat latihan itu akan beroperasi dalam masa lapan bulan dari sekarang.

Selepas siap, ia akan mempunyai kapasiti untuk melatih sehingga 3,000 pelatih berkualiti tinggi setiap tahun.

Syarikat itu adalah satu usaha sama antara UMS Link Holdings Sdn Bhd iaitu badan pelaburan milik sendiri Universiti Malaysia Sabah dan sebuah syarikat swasta, Silverkris Sdn Bhd.



(Dari kiri) Wan Mohamad, Dr Patawari, Rizal dan Ng pada sidang media itu.

Hadir sama pada sidang media itu adalah Pengerusi UMSlink - Silverkris Sdn Bhd, Haji Rizal Othman, Pengarah Datuk Dr Patawari Patawe dan Willie Ng, serta Ketua Pegawai Operasi UMS Link Holdings, Wan Mohamad Azeela.

Menurut Dr Patawari, lembaga pengarah dalam mesyuaratnya baru-baru ini sebulat suara membuat reso-

lusi untuk meluaskan program latihan sedia adanya untuk memasukkan latihan kemahiran yang mengkhusus dalam minyak dan gas.

Beliau berkata keputusan untuk menubuhkan pusat-pusat latihan itu adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu pengumuman baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tentang pemeraksanaan

Bumiputera, Bajet Negeri 2014 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Musa Aman pada Jumaat lepas serta penemuan 14 lapangan minyak air dalam yang baharu, baru-baru ini.

Selain itu, beliau berkata Petronas pada Jumaat lepas juga mengumumkan pemberian kontrak perkhidmatan sambungan, kelengkapan dan

penyelenggaraan luar pesisir 13 pakej bertempoh lima tahun, dengan jumlah nilai RM10 bilion kepada enam pembekal tempatan.

"Kontrak-kontrak ini antara yang paling besar diberikan untuk perkhidmatan termasuk skop luas bagi penyediaan pekerja mahir dan dengan itu menandakan satu permintaan mendadak untuk segmen tenaga kerja ini," kata Dr Patawari.

Beliau berkata kekurangan pekerja menjadi lebih ketara dengan penemuan lapangan minyak baharu di luar pesisir Pantai Barat Sabah termasuk Kikeh, Gumusut-Kakap, Kabangbangan, Malikai antara lainnya.

"Dengan penemuan besar lapangan minyak air dalam di Sabah, syarikat dan kontraktor minyak utama di Malaysia khususnya yang beroperasi di Sabah, mendapatinya sukar untuk mengambil pekerja Sabah yang sesuai dengan kemahiran yang mereka perlukan dalam industri itu," katanya.

Lihat Muka 2